

HIDUPAN LIAR YANG DIPERLINDUNGI DI MALAYSIA

- SIRI III -

Jenis Kucing di Hutan Malaysia

Hutan hujan tropika di Malaysia adalah rumit dan mempunyai pelbagai ekosistem. Satu cara bagaimana kepelbagaian ini boleh dilihat ialah melalui kekayaan dalam berbagai-bagai jenis tumbuhan dan haiwan. Kekayaan jenis ini boleh dilihat di bawah kumpulan keluarga kucing di hutan belantara kita.

Ahli sains hidupan liar telah mengenal pasti sejumlah lapan jenis haiwan di Malaysia. Tujuh daripada jenis haiwan yang telah direkodkan di Semenanjung Malaysia ialah harimau, harimau bintang, harimau dahan, kucing batu, kucing hutan, kuching dahan dan kucing tulap. Jenis kelapan ialah kucing merah yang terdapat hanya di hutan belantara Sabah dan Sarawak bersama-sama empat jenis yang lain, iaitu harimau dahan, kucing batu, kucing hutan dan kucing dahan.

Seperti kebanyakan jenis haiwan di hutan hujan, jenis 'felids' jarang sekali diberikan perhatian kerana "felids" suka mengasingkan diri serta mempunyai tabiat bersembunyi dan berkeliaran pada waktu malam. Tambahan pula dengan sifat yang buas dan ganas, bilangannya amatlah terhad. Pada hakikatnya, tertakluk kepada satu atau dua pengecualian, hidupan liar yang demikian boleh dikatakan daripada jenis luar biasa atau jarang-jarang dapat dilihat. Malahan hidupan liar jenis ini menghadapi ancaman ke tahap kepupusan dan telah disenaraikan di bawah jenis yang dilindungi oleh undang-undang di Malaysia.

Keempat-empat jenis haiwan yang digambarkan dalam keluaran Setem Pos Khas telah dipilih kerana jenisnya mungkin tidak diketahui. Haiwan jenis ini juga adalah menarik serta menjadi contoh kepelbagaian dan mempunyai tabiat yang berlainan di kalangan keluarga kucing.

Kucing Tulap (*Felis temminckii*)

Kuching tulap ialah sejenis kucing yang kurang diketahui dan mempunyai ukuran badan lebih kurang setengah meter and beratnya 4 kilogram. Badan kucing ini berwarna diantara perang keemasan dan coklat pekat. Raut mukanya amat menarik, berwajah segak dibelangi dengan warna hitam dan putih. Ekornya pendek sedikit berseuaian dengan ukuran badan haiwan-haiwan kecil yang sejenisnya. Kucing tulap bergantung hidup kepada binatang seperti biri-biri, kambing, pelanduk dan burung untuk dijadikan mangsa.

Kucing Hutan (*Felis planiceps*)

Kuching hutan adalah daripada jenis haiwan kecil, yang berukuran lebih kurang setengah meter dan mempunyai berat badan 2 kilogram. Kucing jenis ini adalah luar biasa di kalangan hidupan liar di Malaysia, kerana tidak mempunyai sebarang bintik dan berbulu kuning keperang-perangan, yang beransur pudar di bahagian kepala dan bahu. Oleh sebab ikan ialah makanan asas bagi kucing hutan, maka ia hidup berhampiran dengan sungai. Kucing hutan juga memakan katak dan tikus.

Golden Cat (*Felis temminckii*)

The golden cat is a little known species with a head and body length of more than half a metre and weighing about 4 kilograms. The body of this species has a uniform tan of golden brown to dark brown. The face is strikingly marked with an elegant pattern of dark and white stripes. The tail is relatively short for a small felid. The golden cat preys on sheep, goats, small deer and birds.

Flat Headed Cat (*Felis planiceps*)

The flat headed cat is small in size with a head and body length of less than half a metre and weighing about 2 kilograms. The species is unusual among the Malaysian felids in that it has no body markings and has a tawny coat that is paler around the head and shoulders. The flat headed cat is primarily a fish eater and thus it lives close to rivers and streams. It also feeds upon frogs and rats.